

**DR Mad Nasir Samsudin (kiri) dan Dr Polkit memerhatikan MoA, semalam.**



## UPM hantar pelajar, staf ke Thailand

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menghantar pelajar dan kakitangananya ke Universiti Chulalongkorn, Thailand bagi memantapkan lagi penyelidikan berkaitan bidang bioteknologi.

Program pertukaran itu adalah hasil memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani antara UPM dan universiti terbabit, semalam.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Datuk Dr Mad Nasir Samsudin berkata, MoA berkenaan merangku-mi pertukaran kakitangan

akademik dan pelajar peringkat ijazah sarjana, pasca siswazah serta pembangunan program pengajian luar negara.

Katanya, untuk permulaan, seramai 10 pelajar dan lima kakitangan akan terbabit dalam program pertukaran itu bermula semester baharu tidak lama lagi.

"Usaha sama ini membolehkan kedua-dua universiti memulakan jaringan hubungan dalam bidang berkaitan sains dan bioteknologi.

"Ini kerana, sebagai salah satu universiti penyelidikan terkemuka di Malaysia, UPM

sentiasa memberi keutamaan dalam mengenal pasti penyelidik pada masa depan dan gembira dapat menjalin kerjasama dengan salah sebuah universiti terbaik di rantau Asia" katanya pada sidang media selepas majlis MoA itu, di sini, semalam.

Pada majlis itu, UPM diwakili Mad Nasir sendiri manakala Dekan Fakulti Sains Profesor Madya Dr Polkit Sangvanich mewakili Universiti Chulalongkorn.

Menurut Mad Nasir lagi, pelajar yang terpilih mengikut program pertukaran itu akan mengikuti pengajian di

universiti berkenaan selama satu semester.

Kata beliau, program itu tidak akan menjaskan tempoh pengajian kerana pelajar boleh melakukan pemindahan kredit mata pelajaran.

"Selain untuk tujuan pelajaran, usaha sama seperti ini juga mampu membantu memberi pendedahan kepada pelajar kita mengenai budaya dan gaya pembelajaran di luar negara.

"Pengalaman seperti ini mampu memantapkan lagi pelajar dalam mencari pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kelak," katanya.